

10 APR 1998

LEAD Mahathir-pinjaman

HAD PINJAMAN KENDERAAN RM40,000 KE BAWAH DINAIKKAN

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Had pinjaman kenderaan berharga RM40,000 dan ke bawah dinaikkan sehingga 85 peratus bagi membantu industri automobil tempatan yang menghadapi masalah akibat daripada kegawatan ekonomi negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, keputusan membenarkan had pinjaman itu dinaikkan daripada 70 peratus sekarang dibuat pada mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) hari ini setelah menimbang rayuan pengusaha industri automobil menerusi satu memorandum kepada majlis itu.

Bagaimanapun, bank dan institusi kewangan tempatan hanya dibenarkan menggunakan dana pinjaman berjumlah RM15 bilion yang diperuntukkan kepada sektor automobil tahun ini, katanya ketika ditanya pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini malam ini.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi MTEN, berkata majlis itu telah mengadakan dua mesyuarat hari ini, dengan yang pertama pada sebelah pagi melibatkan Jawatankuasa Eksekutifnya.

Beliau berkata, jawatankuasa itu telah menimbang enam kertas kerja termasuk yang berkenaan dengan industri automobil selain pembinaan, tenaga kerja dan inflasi.

Pada sebelah petang pula, mesyuarat penuh Majlis MTEN berlangsung dengan dihadiri Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Ketika ditanya mengenai hasil mesyuarat pada sebelah pagi itu, Dr Mahathir berkata: "Kita menjelaskan masalah berkenaan dengan industri automobil ini, apa yang harus dibuat oleh kerajaan dan kita dapati banyak lagi yang perlu dibuat untuk memulihkan semula ekonomi kita."

Beliau berkata, Jawatankuasa Eksekutif MTEN telah membincangkan mengenai masalah kewangan yang dihadapi oleh pengusaha industri automobil dan meneliti memorandum yang diterima daripada mereka.

"Kita bersetuju memberi kelonggaran tetapi tertakluk kepada had siling pinjaman yang dibolehkan (RM15 bilion)," katanya.

Mengenai industri pembinaan pula, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mengkategorikan kesemua projek perumahan sebagai sektor yang tidak produktif sehingga pinjaman tidak boleh dikeluarkan.

"Untuk rumah kos rendah misalnya, ini bukan bermakna yang RM25,000 dan ke bawah sahaja tapi sebenarnya RM150,000 dan ke bawah," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan masih menggalakkan pembinaan projek-projek perumahan yang baru bagi kategori itu kerana terdapat permintaan tetapi bagi projek perumahan kos tinggi, hanya bagi yang sudah dimulakan atau sudah siap sahaja, pinjaman boleh diluluskan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan tetap berusaha memberikan kelonggaran dalam penjualan rumah kos tinggi yang berharga RM250,000 dan ke atas bagi membantu pengusaha sektor pembinaan yang menghadapi masalah.

Beliau berkata, antara keputusan yang dibuat oleh MTEN ialah mengarahkan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) supaya mengkategorikan terlebih dahulu projek-projek perumahan yang layak dibeli oleh rakyat asing sebelum ia dijual kepada mereka.

Katanya, ini bermakna rakyat asing yang ingin membeli rumah-rumah berharga RM250,000 dan ke atas tidak perlu lagi mendapatkan kelulusan FIC seperti sekarang kerana kelulusan sudahpun diberikan kepada para pemaju projek terlebih dahulu.

"Kelonggaran ini hanya tertakluk kepada projek-projek yang sedang berjalan dan yang sudah siap sahaja," katanya.

Mengenai hasil mesyuarat Majlis MTEN pada sebelah petang pula, Dr Mahathir berkata, semua kerajaan negeri bersetuju memperkenalkan tempoh pajakan pendek bagi tanah yang ingin dimajukan untuk tujuan pertanian.

"Oleh kerana banyak Menteri Besar dan Ketua Menteri yang hadir, kita telah bincangkan mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil di peringkat negeri terutama berkenaan dengan pertanian," katanya.

Perdana Menteri berkata semua kerajaan negeri juga bersetuju menggunakan mana-mana kolam yang ada untuk menternak ikan dalam usaha meningkatkan produktiviti pengeluaran ikan.

"Kita juga telah meminta kerajaan negeri supaya berusaha mempertingkatkan pembekalan bahan makanan dan memberi kelulusan dengan cepat permohonan tanah untuk tujuan pertanian," katanya. -- BERNAMA

AH MAI